
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

SPW202 - Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab **TIGA (3)** daripada soalan-soalan berikut. Setiap soalan membawa 100 markah.

1. Kenapakah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan dan bagaimanakah ianya menyumbang ke arah keselamatan serantau di Asia Tenggara? Apakah kesan dan implikasi penubuhan "ASEAN Regional Forum" (ARF) kepada ASEAN?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan diplomasi? Apakah perbezaan di antara diplomasi sebagai satu proses dengan diplomasi sebagai satu kaedah? Apakah hubungan kuasa dengan diplomasi?
3. Thomas Hobbes, Hugo Grotius dan Emmanuel Kant merupakan penulis-penulis yang telah mempengaruhi perkembangan ilmiah perhubungan antarabangsa. Banding dan bezakan pendapat-pendapat mereka berkenaan:
 - a. anarki antarabangsa;
 - b. masyarakat antarabangsa; dan
 - c. komuniti antarabangsa.

Berikan contoh-contoh yang relevan untuk menyokong hujahan anda.

4. Apakah "Doktrin Truman"? Bagaimanakah ianya menyumbang kepada polisi "penyekatan" (*containment*) semasa perang dingin?

5. Bincangkan kesemua perkara-perkara di bawah:
 - a. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
 - b. Sistem "multipolar"
 - c. "Pembangunan mapan"
 - d. "Pembinaan keamanan" (peacebuilding)
 - e. Perang yang adil (Just War)

- oo o0o oo -